

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 25 TAHUN 1974¹

PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK, MALAYSIA DAN PERKHIDMATAN TADBIR AM

Kerajaan telah memutuskan mulai dari 1hb Oktober, 1974, beberapa perkhidmatan tadbir dan perkhidmatan jabatan yang serupa disatukan menjadi perkhidmatan-perkhidmatan tadbir yang dipersatukan, masing-masing tertakluk kepada skim-skim perkhidmatannya sendiri. Perkhidmatan-perkhidmatan itu ialah :

- (a) Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia di peringkat atas; dan
- (b) Perkhidmatan Tadbir Am di peringkat terendah daripada (a).

Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia dikembarkan sebagai Lampiran "A" bagi menggantikan Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia di Lampiran "A" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 26 tahun 1973 berkuatkuasa mulai dari tarikh 1hb Oktober, 1974. Peruntukan-peruntukan peralihan yang diperbekalkan di perenggan 6 (i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi) dan (vii) dalam Pekeliling tersebut adalah terus berkuatkuasa. Skim Perkhidmatan Tadbir Am berada di Lampiran "B". Penyerapan pegawai-pegawai ke perkhidmatan-perkhidmatan ini akan dilakukan mengikut tatacara di perenggan 4 selepas 1hb Oktober, 1974, tetapi berkuatkuasa mulai dari tarikh tersebut. Dalam tempoh sebelum penyerapan dilakukan pegawai-pegawai yang berkenaan akan terus dikenali mengikut nama-nama perkhidmatan mereka sekarang. Juga dalam tempoh tersebut tidak ada urusan kenaikan pangkat atau perlantikan ke gred yang lebih tinggi mengikut peruntukan-peruntukan dalam sesuatu skim perkhidmatan itu boleh dijalankan melainkan urusan-urusan yang sedang berjalan pada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan. Walau bagaimanapun sebarang kenaikan pangkat atau perlantikan yang diputuskan dalam urusan-urusan yang sedang dijalankan itu tidaklah boleh berkuatkuasa pada atau selepas 1hb Oktober, 1974.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang terlibat

2. Perkhidmatan-perkhidmatan dan peringkat-peringkat jawatan di dalamnya yang terlibat adalah sebagaimana dinyatakan di bawah ini:

<i>Perkhidmatan</i>	<i>Peringkat Jawatan</i>
(i) Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia yang ada sekarang	Semua peringkat
(ii) Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri Melaka dan Pulau Pinang	Semua peringkat
(iii) Perkhidmatan Tadbir Melayu	Semua peringkat
(iv) Perkhidmatan Imigresen ...	Timbalan Penolong Pengarah Imigresen, Timbalan Pegawai Paspot dan peringkat-peringkat jawatan yang ke atas
(v) Perkhidmatan Pendaftaran Negara	Penolong Pegawai Pendaftaran dan peringkat-peringkat jawatan yang ke atas
(vi) Perkhidmatan Pendaftaran Pertubuhan	Pegawai Pendaftaran dan peringkat-peringkat jawatan yang ke atas
(vii) Perkhidmatan Suruhanjaya Pilihanraya	Timbalan Penyelia Pilihanraya dan peringkat-peringkat jawatan yang ke atas
(viii) Perkhidmatan Pengangkutan Jalan	Pegawai Penguatkuasa dan peringkat-peringkat jawatan yang ke atas
(ix) Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat	Pegawai Buruh dan peringkat-peringkat jawatan yang ke atas

Setelah kesemua Pegawai Pentadbir Negeri, Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri Melaka dan Pulau Pinang dan Pegawai Pentadbir Melayu, Perkhidmatan Tadbir Melayu ditukarkan ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia atau Perkhidmatan Tadbir Am di mana berkenaan, Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri Melaka dan Pulau Pinang serta Perkhidmatan Tadbir Melayu dianggap hapus berkuatkuasa mulai dari tarikh 1hb Oktober, 1974.

Syarat-syarat Penyerapan

3. Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri Melaka dan Pulau Pinang dan Perkhidmatan Tadbir Melayu dalam Tingkatan-tertinggi IB (\$1,500 × 100-1,700) dan ke atas dan Perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan yang tersebut di perenggan 2 dalam Tingkatan-tertinggi J dan ke atas akan diserapkan ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Malaysia. Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri yang berkenaan dan Perkhidmatan Tadbir Melayu ke bawah daripada Tingkatan-tertinggi 1B dan Perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan yang berkenaan ke bawah daripada Tingkatan-tertinggi J akan diserapkan ke dalam Perkhidmatan Tadbir Am. Seseorang pegawai yang sedang memangku adalah layak untuk terus memangku jawatan yang berkenaan mengikut gred jawatan itu setelah dijadikan jawatan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik atau Perkhidmatan Tadbir Am. Walau bagaimanapun pemangkuan ini akan dikaji dari semasa ke semasa. Syarat-syarat penyerapan yang lain adalah bagaimana di Lampiran-lampiran "C", "D", "E", "E1" dan "E2".

Urusan Penyerapan

4. Penyerapan ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia dan Perkhidmatan Tadbir Am melibatkan peralihan ke perkhidmatan-perkhidmatan yang tersebut. Oleh yang demikian penyerapan ini akan dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pegawai-pegawai yang terlibat selain daripada Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai-pegawai Tadbir Melayu dan Pegawai-pegawai Tadbir Negeri, Melaka dan Pulau Pinang akan ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk ditukarkan secara tetap ke perkhidmatan tadbir yang berkenaan atau terus tinggal dalam perkhidmatan-perkhidmatan mereka masing-masing seperti sekarang. Opsen hendaklah dibuat dengan menggunakan borang di Lampiran "F". Mereka yang tidak menjawab tawaran itu dalam tempoh sebulan dari tarikh surat tawaran dianggap menolak tawaran. Mereka yang menolak atau tidak menjawab dalam tempoh yang ditetapkan akan berkhidmat cuma di jabatan-jabatan di mana mereka ini sekarang sedia berkhidmat selagi mereka tidak dinaikkan pangkat. Mereka terpaksa bertanding bersama-sama dengan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan baru yang berkenaan untuk kenaikan pangkat bagi mengisi jawatan-jawatan yang kosong di jabatan-jabatan mereka itu dan jika dipilih untuk dinaikkan pangkat mereka akan dianggap sebagai diserapkan ke dalam perkhidmatan tadbir yang berkenaan apabila dinaikkan pangkat.

Kemasukan Pegawai-pegawai Pentadbir Negeri, Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri yang lain ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia dan Perkhidmatan Tadbir Am

5. Bagi negeri-negeri yang telah tidak bersetuju Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negerinya dicantumkan dengan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia dan Perkhidmatan Tadbir Am, pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir Negeri yang berkenaan tidak akan ditukarkan secara tetap ke dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia atau Perkhidmatan Tadbir Am secara perseorangan dalam urusan

penyerapan yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jika pada satu masa kelak sesuatu Kerajaan Negeri memutuskan supaya Perkhidmatan Tadbir Negerinya dicantumkan dengan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia dan Perkhidmatan Tadbir Am, maka Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Negeri yang berkenaan apabila ditukarkan secara tetap ke salah satu daripada perkhidmatan tadbir tersebut akan kehilangan kekananan selama tempoh Kerajaan Negeri itu tidak bersetuju Perkhidmatan Tadbir Negerinya disatukan selepas penyatuan perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan di perenggan 2. Sebagai contoh jika sesuatu Kerajaan Negeri bersetuju supaya Perkhidmatan Tadbir Negerinya disatukan dengan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia serta Perkhidmatan Tadbir Am satu tahun selepas penyatuan perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan di perenggan 2, maka semua pegawai dalam Perkhidmatan Tadbir negeri yang berkenaan akan kehilangan kekananan mereka selama satu tahun di peringkat-peringkat yang mereka itu akan diserapkan sama ada ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia atau Perkhidmatan Tadbir Am. Syarat-syarat penyerapan adalah seperti di Lampiran-lampiran "C", "D", "E", "E1" dan "E2" tertakluk kepada kehilangan kekananan tersebut. [Perbekalan Sementara bagi Pegawai-pegawai yang sedang Berkhidmat dalam Skim-skim Perkhidmatan Pegawai Imigresen, Pembantu Pendaftaran dan Penolong Pegawai Pasport.

6. Pegawai-pegawai dalam Skim-skim Perkhidmatan Pegawai Imigresen, Pembantu Pendaftaran dan Penolong Pegawai Pasport yang sedang berkhidmat pada atau sebelum 1hb Oktober, 1974, adalah layak untuk membuat permohonan bagi dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan-jawatan Tingkatan II yang kosong dalam Perkhidmatan Tadbir Am, iaitu, sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang sedia dibekalkan dalam Skim Perkhidmatan masing-masing yang membolehkan mereka dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan-jawatan Timbalan Penolong Pengarah Imigresen atau Penolong Pegawai Pendaftaran atau Timbalan Pegawai Pasport, ikut mana yang berkenaan. Khas bagi tujuan ini satu perbekalan sementara adalah dimasukkan ke dalam Skim Perkhidmatan Tadbir Am, dan perbekalan-perbekalan yang sama dalam Skim-skim Perkhidmatan Pegawai Imigresen, Pembantu Pendaftaran dan Penolong Pegawai Pasport adalah dihapuskan."}]²

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR,

21hb Ogos, 1974.

CATATAN:

- ¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1980 mulai 15hb November, 1980.
- ² Perenggan 6 adalah ditambah menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14/75 bertarikh 30hb April, 1975.